



10 Februari 2016
10 February 2016
P.U. (A) 38

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (CAJ JALAN BAGI KENDERAAN MOTOR) 2016

ROAD TRANSPORT (MOTOR VEHICLE ROAD CHARGE) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (CAJ JALAN BAGI KENDERAAN MOTOR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 88C(2) dan seksyen 88E Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Caj Jalan Bagi Kenderaan Motor) 2016**.

Caj jalan bagi kenderaan motor

2. Seseorang yang memandu sesuatu kenderaan motor yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama yang didaftarkan dalam mana-mana negara asing hendaklah membayar caj jalan bagi kenderaan motor yang dinyatakan dalam ruang (2) semasa memasuki Malaysia melalui darat mengikut pintu masuk yang dibenarkan.

Cara pembayaran caj jalan bagi kenderaan motor

3. (1) Caj jalan bagi kenderaan motor hendaklah dibayar dengan menggunakan suatu kad atau peranti elektronik dengan melalui lorong yang mempunyai mesin pembaca kad atau peranti elektronik dengan menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuh kad atau peranti elektronik ke mesin pembaca itu dan caj jalan bagi kenderaan motor yang hendak dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik itu.

(2) Caj jalan bagi kenderaan motor yang telah dibayar tidak boleh dibayar balik kepada pemandu atau penumpang sesuatu kenderaan motor.

(3) Bagi maksud perenggan ini “kad atau peranti elektronik” ertinya sesuatu kad atau peranti elektronik yang dibenarkan bagi maksud pembayaran caj jalan bagi kenderaan motor.

Pengecualian

4. Walau apa pun perenggan 2, kenderaan motor yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dikecualikan daripada pembayaran caj jalan bagi kenderaan motor.